

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**[ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hasan bin Malek** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah **langkah-langkah yang diambil bagi menghadapi keadaan cuaca panas** yang melampau pada masa kini, dengan penyusutan pasar air di empangan-empangan utama negara serta banyak sungai yang kering atau mengalami penyusutan yang amat kritikal, **apakah usaha yang diambil untuk memastikan bekalan air mencukupi** bagi kegunaan domestik dan industri.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Fenomena El Nino dan cuaca kering telah menjejaskan bekalan air terawat kepada beberapa buah negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Pahang, Johor dan Sabah dengan keseluruhan 24,313 akaun di Semenanjung Malaysia dan 1,200 akaun di Sabah akaun pengguna terlibat. Faktor utama ialah penurunan kuantiti air terawat yang dihasilkan oleh loji-loji rawatan air di negeri-negeri berkenaan akibat penyusutan sumber air mentah sama ada di sungai, kolam takungan atau empangan.
2. Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sentiasa memantau perkara ini dan turut bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat air negeri dalam merangka pelan mitigasi agar impaknya kepada para pengguna dapat diminimumkan. Antara langkah mitigasi yang diambil termasuk penghantaran bekalan air melalui lori tangki, pembekalan air melalui tangki statik, pemasangan pam *pontoon* dan pemasangan *purified water package plant* terutamanya di Negeri Sabah.
3. Penyelesaian masalah bekalan air memerlukan kerjasama jitu antara Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan-Kerajaan Negeri perlulah memastikan kawasan tadahan dipelihara dari sebarang aktiviti pembangunan tidak terkawal termasuk pertanian yang menjejaskan sumber air mentah. Kerajaan Persekutuan akan menerokai sumber-sumber air alternatif, menggiatkan kempen penjimatan air dan memperkenalkan struktur tarif air

berdasarkan '*user pays principle*' bagi menggalakkan penggunaan air secara berhemah.

\*\*\*\*\*